

# DETEKTIF PLASTIK

## CABARAN ANDA UNTUK HARI LAUTAN SEDUNIA



Untuk mengetahui berapa banyak sisa plastik dibuang dalam satu minggu. Kumpulkan dan rekodkan semua sisa plastik yang dibuang di rumah anda selama satu minggu bermula pada Hari Lautan Sedunia - Isnin 8 Jun dan tamat pada hari Ahad 14 Jun.

Sisa plastik termasuk botol minuman, bekas makanan dan bungkusan, produk pembersihan, bekas produk kecantikan ...  
(Pastikan anda mencuci semua sampah plastik anda dengan bersih!)




### 1. Video Permulaan

Masa 5 minit

Tonton video UK Lautan Plastik "Apa itu plastik?"  
di laman web Blu Hope- [www.bluhope.org](http://www.bluhope.org)

### 2. Rekodkan

Terdapat pelbagai cara untuk menyiasat penggunaan plastik anda. Anda boleh asingkan sisa plastik mengikut:

-  Warna
-  Penggunaan
-  Sekali guna / Guna semula

Anda boleh mengira berapa banyak plastik yang anda kumpulkan berdasarkan:

-  Bilangan
-  Berat
-  Ukuran



### 3. Pamerkan

Setelah semua maklumat dikumpulkan, fikirkan cara terbaik untuk mempamerkan keputusan anda.

Keputusan anda boleh dipamerkan dalam bentuk jadual atau grafik (contoh seperti di bawah)

CATATKAN KEPUTUSAN ANDA...	Warna	Kegunaan	Sekali guna	Guna semula

CATATKAN HASIL ANDA...	Bilangan	Berat g/kg	Panjang cm/m



### 4. Gambar

“SEKEPING GAMBAR MEMBAYANGKAN SERIBU PERKATAAN”

Ambil gambar sisa plastik yang telah anda kumpulkan selama satu minggu.



# FAKTA

Sejak tahun 1950-an apabila pengeluaran besar-besaran plastik bermula, sekitar 8.3 bilion metrik tan plastik telah dikeluarkan.

Kini kita menghasilkan lebih dari 330 juta tan plastik setiap tahun dengan separuh daripada plastik itu hanya digunakan sekali - dan dikenali sebagai "plastik sekali guna".

Hanya lebih kurang 9% daripada keseluruhan plastik yang dihasilkan pernah dikitar semula.

## FAKTA


Malangnya lebih daripada 8 juta tan plastik yang dibuang berakhir di lautan kita setiap tahun.

Ini adalah bersamaan dengan sebuah trak sampah yang penuh dengan plastik dikosongkan ke laut setiap minit!




## ATAU

Bersamaan dengan berat 800,000 ekor Paus Biru



## ATAU

Cukup untuk meliputi 1328 buah padang bola setiap hari



PERKARA  
UNTUK ANDA  
FIKIRKAN...



Bolehkah anda berhenti menggunakan plastik sekali guna?

Kirakan berapa banyak sisa plastik yang anda buang dalam satu tahun.

Bolehkah anda mengitar semula sampah plastik anda? Bolehkah sekolah anda menganjurkan program kitar semula plastik?

5. Muat naik keputusan anda di laman web Blu Hope



Pergi ke laman web Blu Hope: [www.bluhope.org](http://www.bluhope.org) dan simpan maklumat plastik mingguan anda ke dalam tinjauan dalam talian kami.  
Minta ibu bapa atau guru menyiarkan gambar sisa plastik anda di media sosial dan sertakan **#BluHope** **#hindariplastiksekaliguna** **#kasa**

Maklumat sisa plastik yang diperolehi akan digunakan untuk membantu kerajaan menggubal dasar berkenaan penggunaan plastik sekali guna pada masa depan.

TERIMA KASIH DI ATAS PENGLIBATAN ANDA.  
IA DAPAT MEMBAWA PERUBAHAN YANG DIPERLUKAN.

Untuk bahan pendidikan dan maklumat lanjut, sila layari: [www.plasticoceans.uk](http://www.plasticoceans.uk)

